

06/07/2004

`Pilihan Razaleigh untuk bertanding'

PUTRAJAYA: Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan spekulasi Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah bertanding jawatan tertinggi parti pada September ini sebagai pilihan pemimpin veteran Umno itu.

"Itu pilihan dia," kata Abdullah ketika ditanya kemungkinan Tengku Razaleigh bertanding menentanginya untuk jawatan Presiden.

Abdullah yang enggan mengulas lanjut hanya berkata: ``Tak payahlah... saya tak pernah komen (mengenai spekulasi itu). Saya nak cakap pasal pembangunan saja.''

Beliau ditanya demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Pertubuhan Perancang Komanwel 2004 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini, semalam.

Spekulasi Tengku Razaleigh mencabar Abdullah dan Datuk Seri Najib Razak bagi jawatan Timbalan Presiden makin diperkatakan apabila beliau minggu lalu menggesa supaya sistem kuota pencalonan bagi semua jawatan dimansuhkan bagi memastikan proses pemilihan diadakan secara telus dan demokratik.

Tengku Razaleigh yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) dilaporkan berkata, langkah Umno melaksanakan demokrasi bersyarat, termasuk melarang calon berkempen, adalah tidak wajar kerana ia boleh menghalang usaha untuk membawa masuk orang baru yang berbakat dalam barisan kepemimpinannya.

Kenyataan Razaleigh itu ditambah dengan laporan sebelum ini yang menyatakan kesediaannya untuk bertanding jawatan tertinggi parti jika ada pencalonan, sekali gus menguatkan spekulasi beliau mungkin mencabar Abdullah atau Najib.

Bagaimanapun, bertanding bagi jawatan tertinggi Umno bukan perkara baru bagi Razaleigh. Beliau pernah bertanding jawatan Timbalan Presiden pada 1981 dan 1984 tetapi tewas kepada Tan Sri Musa Hitam.

Pada 1987, beliau mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden Umno tetapi tewas dan menubuhkan Parti Semangat 46 yang bertanding pada Pilihan Raya Umum 1990 dan 1995.

Pada 1997, beliau kembali ke pangkuan Umno dan pada 2000, penyokong Tengku Razaleigh cuba mencalonkannya untuk dua jawatan tertinggi parti tetapi gagal kerana hanya mendapat satu pencalonan bagi kerusi Presiden dan dua untuk Timbalan Presiden.

Sistem kuota diperkenalkan selepas pertandingan sengit pemilihan Umno 1987 sehingga pendaftaran Umno dibatalkan pada 1988. Ia bagi mengelak keadaan calon mendapat undi yang tidak mencerminkan pencalonan daripada bahagian dan mencegah amalan politik wang.

(END)